

# Selamat menyambut Pesta Kaamatan



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD

zaiton.mohamad@yahoo.com

UB 30.05.2012 B4

SABAN tahun Pesta Kaamatan akan disambut dengan meriah. Malah pada tahun ini kemeriahannya semakin ketara kerana kedatangannya adalah pada musim cuti persekolahan. Sambutan Pesta Menuai ini amat dialu-alukan oleh semua pribumi Sabah semenjak berzaman dan ia sesuatu yang istimewa. Malahan Pesta Kaamatan atau nama lain iaitu Tadau Kaamatan atau dalam bahasa Kadazan 'Magavau' merupakan upacara perayaan khas untuk

menghormati 'Bambaazon' iaitu semangat padi.

Perayaan ini adalah amalan secara tradisi kaum Kadazan Dusun sejak zaman berzaman. Perayaan 'Magavau' ini biasanya diadakan selepas selesai menuai padi. Pesta Kaamatan yang dirayakan saban tahun ini sebenarnya telah diluluskan oleh Majlis Undangan Kerajaan Koloni sebagai cuti umum Sabah semenjak tahun 1960 lagi, oleh Tun Haji Mohamad Fuad Stephens, Ketua Menteri Sabah yang pertama.

Menurut kepercayaan perayaan seumpama ini wajar diteruskan kerana mereka percaya bahawa rezeki yang akan datang bertambah baik dan lumayan. Upacara

penghormatan terhadap semangat padi iaitu padi-padi yang telah selesai dituai dan selamat dimasukkan ke dalam ketawai (tangkob) iaitu bekas tempat menyimpan padi.

Selain itu, perayaan Pesta Kaamatan ini juga mengingatkan masyarakat Kadazan-Dusun akan rasapenghargaan dan penghormatan masyarakat Kaum Kadazan-Dusun akan penciptanya (kinoingan) yang sanggup mengorbankan anak kesayangannya Huminodun untuk menyelamatkan orang-orangnya supaya tidak mati kebuluran.

Kepercayaan ini telah menjadikan suasana sambutan amat meriah dengan pelbagai acara seperti pertandingan Unduk Ngadau, pertandingan bina badan, tarian

sumazau dan sebagainya.

Walaupun zaman telah berubah ke arah dunia globalisasi, kehidupan lebih moden namun kepercayaan masyarakat Kadazan-Dusun masih menebal dan perlu dicontohi oleh semua masyarakat di Malaysia. Perubahan teknologi dan peredaran zaman telah berjaya diikuti dan diisi dengan kemodenan yang seharusnya cara hidup namun masih lagi mengekalkan ciri-ciri tradisi.

Malah menurut amanat 2012 oleh Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Khalid Nordin juga perlu disemat dalam sanubari oleh setiap generasi mahasiswa bahawa setiap orang perlu mempunyai daya pemikiran global dan membuka

mindanya untuk membuat perubahan yang perlu namun dalam pada masa yang sama masih lagi mengekalkan ciri-ciri lokal.

Keadaan itu memberikan kekuatan kepada mahasiswa supaya membangunkan diri dan minda selari dengan perkembangan semasa sama ada dalam bidang teknologi, sosiologi, sains, pendidikan dan sebagainya. Malah dek kerana semangat jati diri yang tinggi seharusnya melihat kemajuan negara sebagai perangsang untuk memberikan idea yang lebih kreatif dengan mengambil pelbagai kepakaran daripada dunia luar untuk diaplikasikan di dalam negara. Malah bersedia untuk memikul tanggungjawab menjaga

keamanan negara di barisan hadapan sekiranya perlu.

Nescaya dengan cara itu perpaduan akan berjaya dikekalkan hingga ke akhir zaman. Justeru itu, alangkah indahnya perpaduan di bumi Negeri Di Bawah Bayu ini dikekalkan dan diambil iktibar oleh semua warganegara Malaysia. Walaupun ramai di kalangan pribumi Sabah telah menjadi golongan cendekiawan dan bijak pandai, malah ada yang berjaya merentasi benua untuk mendaki gunung yang tertinggi di dunia, namun semangat Tadau Tagazo Do Kaamatan tetap disambut dengan penuh tradisi.

\* Penulis adalah Pegawai Psikologi, HEP, UMS